

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2020



Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Permohonan Pemberimilikan
Tanah Secara Berkelompok Melalui Pejabat Tanah Dan Daerah Di
Negeri Selangor



1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 24/2018 bertarikh 8 Ogos 2018 EXCO-MTES 1/17/2018 yang telah disahkan oleh MMKN ke 25/2018 pada 15 Ogos 2018 berhubung Prosedur Operasi Standard (SOP) pemberimilikan tanah secara berkelompok di peringkat pentadbiran tanah Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Permohonan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara tidak menetapkan jumlah bilangan permohonan bagi satu permohonan di peringkat pentadbiran tanah daerah. Pada masa kini, permohonan pemberimilikan

secara berkelompok diproses mengikut tatacara sama seperti permohonan secara individu memandangkan tiada garis panduan khusus untuk dijadikan panduan.

2.2 Bagi melaksanakan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjamin ketelusan dalam proses kelulusan pembermilikan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengadakan bengkel perbincangan bagi merangka garis panduan ini.

2.3 Garis panduan ini juga mewujudkan elemen bantahan bagi memastikan ketelusan dalam pentadbiran dan pengurusan tanah kerajaan di Negeri Selangor.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Permohonan berkelompok ini didefinisikan sebagai permohonan untuk kategori kediaman yang mempunyai bilangan minimum lima (5) permohonan bagi tujuan berikut:

- i. Pembesaran kampung;
- ii. Pemutihan bagi pendudukan kediaman sedia ada mana-mana kampung;
- iii. Pembukaan tapak baru bagi tujuan kampung selepas mendapat kelulusan daripada MMKN.

3.2 Pentadbir Tanah hendaklah mewujudkan dua (2) Jawatankuasa iaitu:

- i. Jawatankuasa temuduga;
- ii. Jawatankuasa bantahan.

3.2.1 Kedua-dua Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut:

- i. Pentadbir Tanah – Pengerusi;
- ii. Ketua Penolong Pentadbir Tanah;
- iii. Ketua Kampung yang terlibat dengan permohonan;
- iv. Penghulu Mukim;
- v. Unit Integriti Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)/ Unit Audit Dalam SUK (pemerhati bebas);
- vi. Penolong Pegawai Tanah Kanan (sekiranya perlu dan akan diputuskan oleh Pentadbir Tanah);

- vii. Penolong Pentadbir Tanah dan Ketua Pembantu Tadbir (urusetia);

Surat pelantikan hendaklah dikeluarkan kepada ahli-ahli sebelum proses temuduga diadakan.

3.3 Selepas proses temuduga selesai dijalankan, senarai akhir bagi pemohon-pemohon yang telah berjaya akan dipamerkan selama 14 hari di :

- i. Laman web Pejabat Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
- ii. Notis/ papan kenyataan Pejabat Tanah dan Daerah;
- iii. Balai raya/ Balai Penghulu.

3.4 Sekiranya terdapat bantahan bagi senarai nama yang dipamerkan, bantahan boleh dibuat melalui borang bantahan dalam tempoh 14 hari dari tarikh senarai nama dipamerkan. Borang bantahan ini boleh didapati di laman web Pejabat Tanah dan Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor.

3.5 Setiap bantahan akan dikenakan caj RM 50.00 bagi setiap

calon yang dibantah. Caj ini tidak akan dipulangkan.

- 3.6 Jawatankuasa yang dilantik akan menimbang setiap bantahan (Plot/ Lot/ PT) sama ada bantahan diterima atau ditolak.
- 3.7 Selepas proses temuduga dan bantahan selesai, Pentadbir Tanah akan mengemukakan syor di dalam Kertas Ringkasan kepada PTGS sebelum diangkat untuk pertimbangan MMKN.
- 3.8 Pentadbir- Pentadbir Tanah Negeri Selangor dikehendaki merujuk kepada lampiran-lampiran, senarai semak dan borang-borang di dalam arahan ini bagi tujuan pelaksanaan permohonan tanah secara berkelompok ini.

4. TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN


Arahan ini adalah berkuatkuasa bermula daripada 1 Januari 2020 dan Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diarahkan untuk mematuhi arahan yang telah ditetapkan.




(DATO' HAJI ZULKEFLI @ ZULKEFLI BIN KHALID) D.P.M.S, S.I.S
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Darul Ehsan

Bertarikh 30 April 2020


CARTA ALIR
PEMBERIMILIKAN SECARA BERKELOMPOK






LAMPIRAN 1

CARTA ALIR BANTAHAN



CARTA ALIR BANTAHAN



SENARAI SEMAK
PEMBERIMILIKAN SECARA BERKELOMPOK

BIL.	PERKARA	(/)
1.	Jadual 1	
2.	Pelan (2 keping)	
3.	Surat Akujanji	
4.	Surat Akuan Sumpah	
5.	Surat Pengesahan JKKK	
6.	Salinan Kad Pengenalan	
7.	Salinan Surat Beranak (Sekiranya Tanah Rizab Melayu)	
8.	Lampiran G (Bagi Penjawat Awam)/ Surat Pengesahan Majikan	
9.	Resit Bayaran Permohonan	

BORANG PANEL TEMUDUGA

1. Tujuan / Perkara :

NAMA PEMOHON	NO KAD PENGENALAN	NO. LOT	SOKONG/ TIDAK SOKONG	CATATAN

Disahkan oleh:

Pengerusi :
()

Tarikh :

Panel 1: Panel 2 : Panel 3 :
() () ()

Tarikh:

Tarikh :

Tarikh :

BORANG BANTAHAN

1. Nama :
2. No Kad Pengenalan :
3. No. Telefon :
4. Alamat :
5. Tujuan / Perkara :

Justifikasi / sebab-sebab (*sila perincikan*):

Tandatangan :

Tarikh :

Untuk Kegunaan Pejabat (Urusetia) :

Cop Jawatan dan Tandatangan :

Tarikh dan Masa :

** Bayaran permohonan RM50.00 bagi setiap nama calon yang dibantah.*

PEMBERIMILIKAN SECARA BERKELOMPOK

BIL.	PERKARA	(/)
1.	Jadual 1	
2.	Pelan (2 keping)	
3.	Surat Akujanji	
4.	Surat Akuan Sumpah	
5.	Surat Pengesahan JKKK	
6.	Salinan Kad Pengenalan	
7.	Salinan Surat Beranak (Sekiranya Tanah Rizab Melayu)	
8.	Lampiran G (Bagi Penjawat Awam)/ Surat Pengesahan Majikan	
9.	Resit Bayaran Permohonan	